

“*Ibnu Khaldun sangat tegas dalam perkara mengenai fakta sejarah. Beliau menegaskan sejarawan perlu melakukan dua perkara penting, iaitu memberi pemikiran mendalam terhadap berita mengenai sesuatu peristiwa dan membuat kajian terhadap kebenaran dan kejujuran penutur (pencerita) dan penulis berita itu”*

“*Hasil daripada metodologi kajian sejarah itu membolehkan ahli sejarah melakukan interpretasi sejarah terhadap peristiwa yang dikaji. Interpretasi itu pula bergantung kepada dari segi mana sejarawan itu melihatnya, dimensi mana yang diperhatikan serta undur mana yang diungkapkannya”*

Mohd Ayop
Abd Razid



ayop_60@yahoo.com

Seja

Langkah jadi subjek waj

SEJARAH adalah satu cabang ilmu yang berasal dari Yunani pada abad ke-5 Sebelum Masihi (SM). Karya yang mula-mula dianggap sebagai penulisan sejarah ialah *Histories*, ditulis oleh Herodotus yang dianggap sebagai ‘bapa sejarah’.

Karya Herodotus ini membawa maksud penyelidikan atau penyiasatan. Ia diterjemahkan oleh G Rawlinson dengan judul *The Persians Wars*. Buku terjemahan ini diterbitkan oleh The Modern Library, New York pada 1942.

Dalam bahasa lain, sejarah dikenali seperti berikut iaitu historia di negara Latin, history (Inggeris); storia (Itali), historie (Perancis), geschichte (Jerman), gescheiedenis (Belanda), shih (Cina), itihasa dan purana (Hindu) dan tarikh (Arab). Dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia disebut sejarah (syajarah) yang diambil daripada perkataan Arab ‘syajaratun’ yang berarti pohon, keturunan atau asal-usul.

Sejarah adalah berkaitan dengan perkara atau peristiwa yang sebenar sudah berlaku (Sir John Seely). Ia merakamkan pengalaman kehidupan manusia dalam masyarakat yang bertamadun (G Renier). R G Collingwood menganggap semua sejarah ialah sejarah pemikiran (idea manusia). Lewis Namier pula menyebut bahan atau mauduk yang menjadi perhatian sejarah ialah mengenai tindakan manusia sehingga mencetuskan peristiwa mengikut keadaan dan masa.

Islam sangat memberi perhatian terhadap sejarah. Misri A Muchsin dalam *Filsafat Sejarah Islam* (Ar-Ruzz Press, Jogjakarta, 2002)

“Melalui sejarah,
sesuatu bangsa
itu dapat mengenali mengenai
akar umbi serta jatuh
bangunnya bangsa itu.
Daripada peristiwa sejarah
itu jugalah kita dapat
memahami dan mengenali
hukum sebab akibat
daripada sesuatu peristiwa
supaya boleh diambil
pengajaran daripadanya”

“Sejarah sebagai satu
ilmu memerlukan
kepada penyiasatan
dan penyelidikan mengenai
peristiwa masa lampau
berdasarkan bukti yang ditemui.
Daripada bukti atau sumber itu,
maka pentafsiran sejarah akan
dilakukan oleh sejarawan”

jarah Islam (Ar-Ruzz Press, Jogjakarta, 2002) menyebut sekitar dua pertiga daripada keseluruhan ayat al-Quran memiliki nilai atau norma sejarah yang mana al-Quran berbicara mengenai perubahan dalam masyarakat yang sangat ditentukan oleh kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh manusia. Dalam konteks ini, al-Quran berbicara sebab khusus terjadinya perpecahan sosial bangsa yang sudah terlalu jauh menyimpang daripada sendi kebenaran hakiki.


Sejarah sebagai satu ilmu memerlukan kepada penyiasatan dan penyelidikan mengenai peristiwa masa lampau berdasarkan bukti yang ditemui. Daripada bukti atau sumber itu, maka pentafsiran sejarah akan dilakukan oleh sejarawan. Jacob Burchhardt menyebut bahawa sejarah ialah pentafsiran berdasarkan kepada sumber. Ini bermakna sejarah ialah pencarian untuk mendapatkan kebenaran, hakikat dan penjujukan manusia (Arnold Toynbee).

Dalam konteks ini, Edward Carr menyebut bahawa sejarawan mempunyai dua tugas utama iaitu menyingkap fakta penting dan menyingkirkan fakta historis (bukan fakta sejarah). Sejarawan harus dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan (pembongahan) sumber sejarah. Ibnu Khaldun sangat tegas dalam perkara mengenai fakta sejarah. Beliau menegaskan sejarawan perlu melakukan dua perkara penting, iaitu memberi pemikiran mendalam terhadap berita mengenai sesuatu peristiwa dan membuat kajian terhadap kebenaran dan kejujuran penutur (pencerita) dan penulis berita itu.


Ilmu sejarah adalah ilmu yang menggunakan pendekatan ilmu sosial. Hasil daripada metodologi kajian sejarah itu membolehkan ahli sejarah melakukan interpretasi sejarah terhadap peristiwa yang dikaji. Interpretasi itu pula bergantung kepada dari segi mana sejarawan itu melihatnya, dimensi mana yang diperhatikan serta undur mana yang diungkapkannya. Misalnya, jika ia menggunakan

arah bantu kita fahami akar umbi tamadun bangsa

jib lulus pada 2013 bantu generasi muda nilai kemanusiaan, tingkat penghayatan patriotisme



GENERASI muda perlu diberi pendedahan kepada sejarah sejak dari kecil lagi supaya mereka lebih memahami asal usul negara.



Ibnu Khaldun

Hakikatnya, apabila kita meneliti negara dan masyarakat kita, maka kita dapati bahawa negara dan masyarakat kita yang wujud hari ini banyak dikenali melalui pelbagai simbol dan lembaga kenegaraan yang ada hubungannya dengan penempatan negara.

pendekatan politikologis sudah pasti seawan itu akan meneliti atau menyoroti pertentangan kekuasaan, ideologi politik, struktur politik dan jenis pemerintahan serta kepemimpinan.

Yang pasti, dalam apa jua pendekatan yang digunakannya, pengkaji sejarah memerlukan pengetahuan mengenai konsep dan teori ilmu sosial seperti antropologi, sosiologi, geografi, politik, ekonomi, bahasa, kesusasteraan, falsafah dan ilmu sosial yang lain. Malah, dalam keadaan tertentu pengkaji sejarah memerlukan bantuan ilmu fizik dan kimia untuk membuat penilaian mengenai bahan berkaitan fosil, batu bata, bahan purba dan dokumen lama yang dikajinya itu.

Pada sekitar 1920-an, ahli sejarah Perancis yang terdiri daripada aliran 'Annales' dianggap berjaya meletakkan ilmu sejarah sebagai ilmu bersifat saintifik dengan sempurna apabila berjaya menggunakan kaedah kuantitatif serta menghuraikan secara sah peranan pel-

bagai faktor penyebab seperti geografi, struktur sosial dan pemikiran. Justeru, penulisan sejarah yang dihasilkan oleh ahli sejarah Annales telah memberikan satu nafas baru kepada pengajian ilmu sejarah dengan memperluaskan sudut pandangan ahli sejarah, baik dari segi ruang lingkup mahupun perkaedahan (R Suntharalingam, 1987).

Sebenarnya, bagi mereka yang membuat pengkhususan dalam pengajian sejarah, terlalu banyak cakupan ilmu sejarah yang perlu dikuasainya. Misalnya, seseorang penuntut atau pengkaji dalam pengkajian falsafah sejarah perlu memahami mengenai dasar dan persoalan falsafah sejarah, perkembangan pensejarahan (Timur dan Barat), perkembangan falsafah sejarah mengikut periodisasi, epistemologi sejarah, ontologi sejarah, teleologi sejarah, kosmologi sejarah, eskatologi sejarah, nomologi sejarah dan aksiologi sejarah.

Apakah fungsi sejarah? Apakah sejarah itu

hanya dilihat sebagai satu nostalgia ataupun romantisme yang digunakan sebagai satu pelarian seperti yang ditanggapi oleh orang yang bukan ahlinya. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa ilmu sejarah adalah ilmu yang dikaji oleh pelbagai bangsa dan generasi untuk mengetahui mengenai kerajaan dan negara serta perubahan yang terjadi dalam sesuatu masyarakat itu.

Melalui sejarah, sesuatu bangsa itu dapat mengenali mengenai akar umbi serta jatuh banggunya bangsa itu. Daripada peristiwa sejarah itu jugalah kita dapat memahami dan mengenali hukum sebab akibat daripada sesuatu peristiwa supaya boleh diambil pengajaran daripadanya. Nouruzzaman Shiddiqie dalam pengantar *Sejarah Muslim* (Nurcahaya, Yogyakarta, 1983) menyebut sejarah sebagai peristiwa masa lampau bukan sekadar memberi maklumat mengenai terjadinya peristiwa itu, tetapi juga memberi interpretasi atas peristiwa yang berlaku dengan melihat kepada hukum sebab akibat untuk dijadikan pengajaran.

Sejarah mampu memperteguhkan semangat dan ketahanan sesuatu bangsa dalam menghadapi krisis atau kekacauan dalam kehidupan semasa. Melalui pengalaman sejarah, ia dapat menyediakan arah garis tertentu serta membina keyakinan dan harapan masa depan yang lebih menyakinkan. Misalnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dihasilkan di negara kita adalah didorong oleh pengalaman sejarah bangsa Melayu yang mengalami keterbelakangan dalam penyertaan ekonomi moden kesan daripada dasar yang diamalkan penjajah. Ia adalah berkaitan dengan kesan dan akibat daripada perjalanan sejarah kolonial di negara kita.

Bagi bangsa yang tidak memberikan perhatian kepada sejarahnya, ia akan kehilangan arah dan identiti kerana perilaku, pemikiran dan tindak tanduknya sudah tersasar dan terputus daripada sejarah akar umbi bangsanya.

nya dengan pensejarahan negara.

Justeru, sejarah nasional wajib menjadi sebahagian daripada unit sejarah dalam pengajian sejarah tanah air.

Pada hemat saya, sejarah tradisional tanah air mampu membawa kita mengenal akar umbi ketamadunan bangsa, manakala sejarah moden tanah air yang berkembang pada abad ke-19 dan 20 pula mampu memupuk semangat kita untuk meneruskan pembinaan negara bangsa yang mempunyai identiti dan jati diri yang kukuh.

Kita juga perlu memahami bahawa proses dan perjalanan sejarah tanah air tidak dapat dipisahkan daripada proses sejarah makro antarabangsa yang dalam keadaan, masa dan ruang tertentu turut mempengaruhi banyak aspek pensejarahan tanah air seperti aliran ideologi, politik, nasionalisme, perdagangan, kemasukan teknologi baru dan migrasi bangsa dari negara luar. Proses sejarah itu telah meninggalkan kesan yang cukup besar dalam proses pensejarahan negara.

Kesimpulan, pengajian sejarah akan menjadikan generasi kita memahami proses pembinaan negara bangsa, membangun intelektual, menghargai usaha dan sumbangan tokoh tanah air; membina nilai kemanusiaan serta membentuk warga negara yang patriotik. Melalui penghayatan terhadap pengalaman sejarah tanah air akan meningkatkan kesedaran, kepekaan dan semangat ingin membabitkan diri dalam proses pembinaan negara bangsa secara aktif dan produktif di atas penghayatan patriotisme yang tinggi terhadap tanah air.

Justeru, keputusan kerajaan untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013 dan Sejarah sebagai subjek teras di sekolah rendah mulai 2014 sangat dialu-alukan.

Penulis ialah Ketua Unit Penerbitan di Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



Ketepikan perbezaan politik demi pembangunan negara

Noor
Mohamad
Shakil Hameed



PELANCARAN Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, minggu lalu sekali lagi menunjukkan tahap keseriusan kerajaan untuk melakukan transformasi yang menyeluruh bagi mencapai Wawasan 2020 dan impian menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Sembilan projek permulaan yang diumumkan membuktikan betapa hala tuju ETP ini berada di landasan yang betul dan tepat. Dalam pada itu jaminan Najib bahawa setiap projek besar akan dijalankan secara terbuka dan telus menggunakan proses tender terbuka, selain tender terhad atau rundingan terus dalam keadaan terkecuali pastinya melegakan masyarakat perniagaan yang menyambut baik langkah berani pihak kerajaan seperti ini dalam usaha untuk memacu ekonomi negara.

Seperti kata Najib, bukan lagi mimpi, dongeng atau pernyataan hasrat yang kabur, malah adalah peta panduan yang jelas, tersusun dan bakal menjulang martabat negara di mata dunia. Kata Najib, tiba masa untuk kita melenyapkan perasaan curiga, usah terus bergelut dengan percakapan dan perbalahan kosong, hentikan suara sumbang dan senyuman sinis yang menyempitkan hati serta mematikan azam.

Apa yang jelas ialah Najib dan Kabinetnya dilihat cukup serius untuk memacu kegemilangan negara ini dalam pelbagai sektor melalui pelbagai program transformasi seperti ETP, GTP, NKRA, NKEA dan Model Baru Ekonomi (MBE).

Persoalannya ialah sejauh mana rakyat, sektor awam dan swasta dapat berganding bahu dengan kerajaan dalam memastikan kejayaan semua program transformasi itu.

Hal ini penting kerana kejayaan setiap program berkenaan bergantung kepada peranan yang bakal dimainkan oleh rakyat baik yang berkhidmat di sektor awam mahupun yang berada dalam sektor swasta. Masing-masing ada tanggungjawab dan peranan mereka tersendiri dan mereka tidak

boleh berpeluk tubuh tanpa berusaha melaksanakan tanggungjawab itu.

Apa yang dikhuatiri masih ada rakyat yang belum yakin dengan segala usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Kumpulan ini sering menjadi dalang yang cuba menggagalkan usaha kerajaan demi kepentingan peribadi masing-masing.

Bagi mereka apa saja yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan akan dilihat dan ditafsir dari perspektif yang negatif dan serong. Tindakan mereka yang sentiasa cuba mencari kelemahan dalam program yang dilaksanakan oleh kerajaan demi kepentingan rakyat adalah suatu perbuatan yang tidak adil bagi pihak kerajaan di samping merugikan diri dan juga masyarakat.


Tindakan mereka jelas merugikan semua pihak. Justeru, kita berharap agar kumpulan seperti ini akan sedar dan berubah demi kepentingan negara. Kita perlukan kesepakatan yang holistik dan menyeluruh dari segenap lapisan masyarakat demi kelangsungan kemajuan negara kita.

Setiap seorang daripada kita perlu sedar bahawa bukan mudah untuk mencapai status negara maju mahupun negara berpendapatan tinggi. Ia membabitkan kesungguhan, ketekunan, iltizam dan usaha mapan yang perlu memasukkan beberapa elemen asas yang penting seperti kreativiti, inovasi, semangat, percambahan idea serta gabungan tenaga setiap seorang daripada kita tanpa mengira agama dan bangsa.

Untuk itu, ketepikanlah segala perbezaan pendapat, ideologi dan fahaman politik, prasangka, prejudis mahupun perbalahan sesama kita agar kita dapat berganding bahu atas semangat 1Malaysia supaya kita dapat mencapai wawasan yang diimpikan.

Adalah menjadi tanggungjawab generasi hari ini untuk membina kegemilangan melalui pembentukan negara bangsa yang mampu berdiri sama tinggi di saf hadapan bersama-sama dengan negara maju yang lain untuk diserahkan kepada generasi yang akan datang. Marilah kita bersama-sama berganding bahu bergerak seiringan dengan Najib dan Kabinetnya untuk menjayakan semua pembaharuan dan program transformasi yang telah diperkenalkan.

Penulis ialah Penolong Pendaftar Kanan, Pusat kesihatan Universiti, Universiti Putra Malaysia.



NAJIB ketika melancarkan ETP di Pusat Dagangan Dunia Putra, di Kuala Lumpur baru-baru ini.